

## **BAB 5**

### **PERBANDINGAN ANTARA PERADABAN JEPUN DAN ISLAM DARI ASPEK KEPERCAYAAN**

## 5.1 Pengenalan

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab yang lepas, peradaban Jepun merupakan sebuah peradaban yang kompleks terutama dalam menyentuh soal kepercayaan. Ini kerana, peradaban Jepun menyerap apa saja agama dan kepercayaan yang sesuai dan mempunyai potensi bagi dijadikan panduan dan landasan bagi kemajuan dan pembangunan peradabannya.

Oleh itu, tidak hairanlah agama Shinto boleh menerima kemasukan agama Buddha, etika Konfucianisme dan rukun-rukun Taoisme. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kekurangan yang terdapat dalam kepercayaan asal masyarakat Jepun iaitu Shinto. Diakui juga bahawa sikap masyarakat Jepun sendiri yang mudah menerima pengaruh dan kepercayaan luar membolehkan mereka bersikap fleksibel dalam beragama. Malahan konsep “*kami*” membolehkan masyarakat Jepun memandang semua agama mempunyai Tuhan yang sama dengan orang Jepun di mana semangat *kami* akan meresap ke dalam Tuhan agama lain sebagaimana berlaku ke atas agama Buddha.

Keadaan ini tidak berlaku dalam peradaban Islam di mana pengaplikasian agama Islam dalam peradabannya secara jelas tidak mengambil kepercayaan dari luar tetapi masih mengekalkan kepercayaan semenjak zaman berzaman iaitu melalui Nabi Muhammad s.a.w. yang mengajarkan kepercayaan kepada Tuhan yang satu dengan bertauhidkan Allah. Kepercayaan ini kekal sehingga sekarang tanpa mengalami apa-apa perubahan serta bertindak membentuk peradaban Islam melalui keimanan yang teguh berdasarkan kepercayaan kepada rukun iman yang enam dan mengambil kepercayaan kepada Allah

s.w.t. sebagai Tuhan Yang Esa sebagai pokok kepercayaan. Sumber peradaban Islam adalah tidak lain iaitu melalui kitab sucinya iaitu al-Quran dan hadis nabi sebagai panduan. Keadaan ini memperlihatkan kepercayaan agama dalam Islam agak simple berbanding dengan peradaban Jepun yang mengandungi pelbagai agama di dalamnya dan setiap agama mempunyai kepercayaan, etika dan hukum hakam masing-masing menjadikan antaranya saling melengkapi.

Oleh itu, perbandingan antara peradaban Jepun dan Islam merupakan satu perbandingan yang menarik kerana ke dua-dua peradaban merupakan peradaban yang mempunyai peradaban yang tinggi. Perbandingan akan menyentuh aspek kepercayaan ke dua-dua belah pihak tersebut. Setelah dianalisis, maka perbandingan akan mengambil pokok kepada pembentukkan sesebuah agama dan kepercayaan sehingga ia boleh digelar agama. Terdapat 5 perkara yang dinilai sebelum sesuatu kepercayaan tersebut diiktiraf sebagai sebuah agama iaitu menyentuh kepercayaannya, pemujaan atau ibadat, hukum-hukum atau peraturan-peraturan, nabi-nabi atau pencetus satu-satu kepercayaan dan agama, dan kitab-kitab suci yang menjadi sumber kepada satu-satu kepercayaan.

## **5.2 Definisi Perbandingan Agama Dan Kepercayaan**

Perbandingan kepercayaan dan agama merupakan ilmu yang mempelajari tentang bermacam-macam agama, kepercayaan dan aliran peribadatan yang berkembang pada berbagai-bagai bangsa semenjak zaman dahulu hingga sekarang.<sup>1</sup> Ia merupakan satu cabang dari ilmu pengetahuan untuk memahami gejala-gejala keagamaan pada suatu kepercayaan meliputi persamaan dan perbezaan . Dalam bahasa ia disebut “*Muqoranatul Adyan*” sementara dalam bahasa Inggeris ia disebut “*comparative religion*”.<sup>2</sup>

Perbandingan agama merupakan satu ilmu yang masih baru dan kajian mengenainya jarang-jarang dan julung-julung kali dilakukan. Dalam dunia Islam ilmu ini mulai diperkenalkan pada abad ke-11M lagi. Di antara tokoh yang mula-mula merintis ilmu tersebut ialah Ibnu Hazam (994-1064M) dengan kitabnya “*Al-Fasl fil Mi’al Wal’ ahwa Wan Nihal*” yang membawa erti penegasan tentang pelbagai macam agama dan aliran kepercayaan. Kemudian disusuli oleh Shahrostany (1071-1143M) dengan kitabnya “*Al-Milal Wan Nihal*” yang membawa maksud pelbagai agama dan kepercayaan.<sup>3</sup> Kemudiannya dunia barat mulai mempelopori ilmu ini dan jauh meninggalkan dunia Islam walaupun ia merupakan satu ilmu baru bagi dunia barat iaitu kira-kira satu abad yang lalu baru dimulakan mengenainya.

### 5.3 Tujuan Dan Faedah Perbandingan

Semenjak zaman dahulu lagi terdapat bermacam-macam kepercayaan beragama yang dianuti oleh masyarakat. Ada sesetengahnya telah pupus berikutan kepupusan pengikut dalam kepercayaan masing-masing. Keadaan ini kita dapat lihat kepada agama Mesir Kuno, Yunani, Meciko dan sebagainya. Sementara ada sebahagiannya masih kekal hingga sekarang sebagaimana agama Islam, Buddhisme, Konfucianisme, Shintoiesme, Taoisme, Kristian dan lain-lain. Kelahiran agama-agama tersebut adalah mengikut rantau dalam zaman peradaban tertentu misalnya Yahudi, Kristian dan Islam adalah dilahirkan di Asia Barat sementara Shinto lahir di Jepun, Buddha pula lahir di India, Tao dan konfucian pula berasal dari China.

Sesuatu agama yang kita anuti mengandungi kepercayaan dan kepercayaan ini berbeza antara sebuah agama dengan agama yang lain. Kepercayaan ini mencakupi adat, upacara, kitab-kitab dan sebagainya. Oleh itu, perbandingan harus dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan faedah daripadanya. Antara tujuan dilakukan perbandingan aliran kepercayaan adalah untuk:<sup>4</sup>

- i- Berfikir bagaimakah caranya menyesuaikan ajaran-ajaran setiap agama, kepercayaan serta aliran-aliran peribadatan yang ada.
- ii- Dapat membezakan ajaran-ajaran setiap agama, kepercayaan serta aliran-aliran peribadatan yang berkembang dalam masyarakat dan dengan ini akan memudahkan kita untuk memahami kehidupan batin, alam fikiran dan kecenderungan hati daripada pelbagai peradaban manusia.

Dalam al-Quran sendiri ada menegaskan bahawa hanya Islam sahaja agama yang diredayai oleh Allah s.w.t. Namun begitu, ini tidak bererti kita tidak perlu mempelajari agama-agama dalam peradaban lain. Ini kerana dengan mempelajari perbandingan agama boleh memberikan beberapa faedah yang nyata, antaranya:<sup>5</sup>

- i- Akan dapat menanamkan sikap saling hormat dan menghormati dan harga menghargai dalam masyarakat yang terdiri dari pelbagai anutan agama dan kepercayaan.
- ii- Ia merupakan satu penghasilan ilmiah yang sangat-sangat diperlukan terutama bagi seorang mualigh yang ingin membawa masuk Islam ke Jepun.

Oleh yang demikian, mempelajari kepercayaan-kepercayaan yang terdapat dalam satu-satu peradaban adalah penting. Namun begitu, perbuatan merendah-rendahkan kepercayaan dalam agama lain haruslah dielakkan kerana ia boleh mencetuskan sentimen keagamaan yang seterusnya boleh membawa kepada ketidakseimbangan di dalam masyarakat.

#### **5.4 Peradaban Jepun Dan Islam Satu Perbandingan Dari Aspek Kepercayaan**

Peradaban Jepun merupakan sebuah peradaban yang kompleks di mana dalam peradabannya terdapat pelbagai agama dan kepercayaan yang melibatkan kepercayaan yang pelbagai. Percampuran agama iaitu agama Shinto, Buddha, Konfucian, Taoisma, Kristian dan sebagainya telah membentuk peradaban Jepun yang wujud sekarang ini. Hasil daripada kepercayaan tersebutlah yang telah membentuk peradaban Jepun yang berpegang kuat dari segi disiplin diri, sikap berkumpulan, semangat juang dan sebagainya. Semangat ini secara jelasnya berpuncu dari kepercayaan Jepun kepada agama mereka yang melahirkan konsep-konsep yang dibincangkan dalam bab yang lepas seperti konsep Bushido, On, Giri dan sebagainya.

Peradaban Islam pula merupakan sebuah peradaban yang mempunyai nilai yang tinggi dan merupakan sebuah peradaban yang agung. Namun begitu, melalui masa dan faktor persekitaran peradaban Islam telah merosot dan banyak menerima kemajuan dan belajar dari peradaban bukan Islam yang asalnya peradaban tersebut adalah belajar daripada peradaban Islam itu sendiri. Keadaan ini berlaku disebabkan kegoyahan yang terdapat dalam peradaban Islam menyebabkan kucar kacir dan porak peranda.

Perbandingan antara peradaban Jepun dan peradaban Islam dari segi kepercayaan adalah begitu menarik untuk dibincangkan. Dalam perbandingan nanti akan disentuh secara langsung mengenai perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam kedua-dua peradaban tersebut. Perbandingan akan menyentuh beberapa aspek antaranya akidah, ibadat, hukum hakam, pencetus sesuatu kepercayaan atau nabi-nabi, kitab-kitab suci dan konsep-konsep yang timbul.

#### **5.4.1 Perbezaan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan**

Apabila menyentuh berkaitan dengan perbandingan maka di dalam pemikiran kita akan terlintas perbezaan dan persamaan antara ke dua-duanya. Maka disini terlebih dahulu saya ingin mengaitkan perbezaan antara ke duanya sebagaimana di bawah.

##### **5.4.1(a) Akidah**

Dalam membincangkan akidah, maka secara langsung ia akan menyentuh mengenai kepercayaan atau keyakinan iaitu kepercayaan yang terdapat dalam ke dua-dua peradaban yang akan diteliti selepas ini. Apabila kita membincangkan peradaban Islam maka secara langsung ia akan menyentuh agama Islam. Agama Islam tidak sama maknanya dengan faham *religion* sebagai mana yang difahami dan ditakrifkan dalam sejarah peradaban barat. Islam adalah satu agama yang membawa maksud istilah “*ad-Deen*” iaitu suatu cara hidup yang paling lengkap dan maha sempurna yang disarankan oleh Allah s.w.t. kepada rasul terakhirnya iaitu nabi Muhammad s.a.w. untuk diikuti oleh umat manusia seluruhnya disegenap tempat dan zaman.<sup>6</sup>

Nabi Muhammad s.a.w. bukanlah membawa suatu sistem ritual tetapi beliau telah membawa satu akidah. Apabila memperkatakan akidah, maka secara langsung kita akan bincangkan syariah dan akhlak secara bersama. Ini kerana akidah adalah paksi kepada ketiga-tiga bentuk perhubungan tersebut. Adalah penting juga untuk kita memahami bahawa ketiga-tiga yang disebutkan tadi bukan pula hanya merupakan pengaturan kehidupan individu semata-mata, tetapi ia menyerap serta mengatur setiap kegiatan kehidupan insan sama ada perseorangan ataupun bermasyarakat.<sup>7</sup>

Oleh yang demikian, Islam merupakan antitesis kepada faham sekularisme iaitu faham yang membawa kepada pemisahan agama dengan kegiatan manusia yang lainnya seperti politik, ekonomi, sosial, undang-undang dan lain-lain lagi. Ini adalah kerana sifat asasi Islam itu yang mengatakan bahawa:-

*"...does not admit a conflict, nay, not even a significant separation between life-spiritual and life-mundane. It does not confine itself merely to purifying the spiritual and the moral life of man in the limited sense of the world. Its domain extends to the entire gamut of life. It wants to mould individual life as well as the social order in healthy pattern, so that the kingdom of God may really be established on the earth and so that place, contentment and well-being may fill the world as waters fill the ocean".<sup>8</sup>*

Penolakan sekularisme oleh Islam mungkin disebabkan peradaban Islam dibangunkan di atas pandangan hidup "Weltanschauung"-Tauhid, yang melihat manusia ini sebagai umat yang satu serta bertuhankan Allah yang esa serta berpandukan nilai-nilai Islam yang lain.

Apa yang jelas bagi kita ialah peradaban Islam yang agung adalah dibina atas faham "ad-Deen" dengan segala kandungan makna yang terdapat dalam istilah "deen" itu. Faham ad-Deen mengandungi akidah yang meletakkan Allah sebagai Tauhid yang unggul.

Sementara itu, peradaban Jepun mempunyai pegangan akidah yang kompleks. Ini kerana masyarakat dalam peradaban Jepun berpegang kepada bermacam-macam kepercayaan yang membentuk agama mendasari kehidupan dan peradaban mereka. Mengikut *Ichiro Sugimoto*,<sup>9</sup> beliau sendiri adalah mengakui beragama Buddha dan mengamalkan Buddha dalam segenap kehidupan sehariannya. Sementara Konfucious pula wujud secara etika dan moral yang membentuk masyarakat Jepun dan agama Shinto hanya wujud sebagai lambang semata-mata.<sup>10</sup>

Dalam pusingan kehidupan masyarakat Jepun bermula daripada lahir ke dunia hingga ke kematian mereka mengamalkan agama Shinto, Buddha, Konfucian, Taoisma dan Kristian secara serentak. Di masa menyambut kelahiran bayi upacara Shinto diamalkan, semasa perkahwinan agama Kristian dipraktikkan sementara apabila terdapat dikalangan mereka yang meninggal dunia, maka agama Buddha diaplikasikan di dalam upacara kematian. Etika Konfucian dan Taoisma pula mendasari peradaban Jepun secara jelas di dalam mengagungkan roh nenek moyang sebagai sesuatu yang harus dijaga dan mempunyai semangat.

Namun begitu, Shinto sebagai agama asal masyarakat Jepun mendapat kelebihan di mana kepercayaan kepada “*kami*” sebagai manifestasi Tuhan diletakkan di tempat atau bahagian yang paling asas dalam akidah masyarakat Jepun. Jadi, tidak hairanlah orang-orang Jepun percaya bahawa gunung ganang, bukit bukau, cakerawala, bulan, bintang dan sebagainya mempunyai semangat sebagai manifestasi Tuhan. Kepercayaan kepada Shinto membolehkan masyarakat Jepun menerima aliran kepercayaan dan etika kepercayaan lain dengan hati yang terbuka kerana menganggap dalam agama lain juga terdapatnya Tuhan-

tuhan yang terdapat dalam kepercayaan Shinto iaitu Tuhan *Kami* sebagai manifestasi Tuhan dalam masyarakat Jepun.

Apa yang jelas melalui perbincangan ini ialah walaupun peradaban Jepun dan Islam mempunyai percanggahan dalam akidah masing-masing dan perbezaanya amat ketara sekali tetapi masih terdapat persamaan iaitu semua agama mempercayai adanya Tuhan.

#### **5.4.1 (b) Ibadat**

Ibadat pula melibatkan perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada Tuhan seperti sembahyang, berdoa, bersedekah dan lain-lain.<sup>11</sup> Dalam kepercayaan Islam, ibadat melibatkan perbuatan-perbuatan seperti sembahyang lima waktu, mengeluarkan zakat, puasa, mengerjakan haji dan berkorban demi agama juga dianggap sebagai satu ibadat.

Kesan daripada kepercayaan umat Islam kepada agama mereka, telah menyedarkan mereka tentang kebesaran Allah s.w.t. dan menjadi kewajipan mereka untuk patuh kepada perintah Allah iaitu sistem atau cara-cara kehidupan yang ditentukan oleh Allah. Sistem kehidupan Islam ini terkandung dalam ajaran Islam sebagai *ad-Deen* iaitu system kehidupan yang maha lengkap dalam setiap perkara merujuk kepada al-Quran dan al-Hadis. Dalam Islam, setiap benda dan perkara baik yang hendak dilakukan adalah dipanggil ibadat dan mendatangkan pahala.

Sebenarnya, di dalam Islam terdapatnya konsep ibadat yang merangkumi segala kegiatan manusia dari segi rohaniah dan jasmaniah. Tiap-tiap orang Islam boleh

mencampurkan di antara dunia dan akhirat dan inilah kombinasi yang dianggap indah di dalam Islam yang tidak terdapat dalam aliran kepercayaan-kepercayaan lain. Setiap muslim boleh melaksanakan sifat kesempurnaan yang dituntut oleh agama dalam masa ia menjalankan segala kegiatannya di bumi sebagai khalifah Allah seperti dalam masa mencari rezeki dan sebagainya. Namun demikian, ia hendaklah dilakukan dengan syarat yang jujur di mana hatinya mestilah dilakukan kerana Allah dalam masa ibadat atau dalam masa ia menjalankan kegiatan-kegiatan yang melibatkan urusan hidup di dunia.<sup>12</sup>

Sembahyang merupakan ibadat yang terpenting dan ia merupakan satu cara untuk manusia berkomunikasi dengan Tuhan mereka. Sembahyang merupakan ibadat yang tertua di dalam peradaban Islam kerana setiap syariat adanya ibadat sembahyang.

Zakat dapatlah didefinisikan mengikut agama Islam sebagai kadar harta yang tertentu diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat. Zakat merupakan satu ibadat kewangan di mana orang-orang Islam yang mampu akan membantu masyarakat Islam yang tidak mampu. Begitu juga dengan berpuasa di bulan Ramadhan yang merupakan satu kewajipan. Sementara mengerjakan Haji adalah diwajibkan kepada mereka yang berkemampuan. Berkorban kerana agama pula adalah amat penting dan dituntut oleh Islam. Berkorban di sini ialah dengan mengenepikan kepentingan diri.

Sementara itu, keadaan ini amat berbeza sekali dalam peradaban Jepun di mana masyarakat Jepun bukan merupakan sebuah masyarakat monoteistik dan mereka mengamalkan kehidupan yang menyembah pelbagai Tuhan dengan anggapan *Kami* boleh berubah dalam pelbagai bentuk. Pencampuran agama dalam peradaban Jepun menghasilkan peribadatan yang pelbagai dalam satu-satu masa.

Ibadat-ibadat dan amalan-amalan yang dilakukan seperti perkahwinan menjadi suatu perkara yang tidak luar biasa bagi pasangan baru berkahwin untuk melaporkan perkahwinan mereka kepada nenek moyang mereka di altar agama Buddha milik keluarga mereka, mengadakan upacara perkahwinan agama Kristian dan melawat tempat suci Shinto dan Buddha semasa berbulan madu. Pada tahun baru kebanyakan orang mengunjungi tempat suci Shinto untuk berdoa, pada bulan Ogos pula mereka akan menari di perayaan Bon iaitu suatu perayaan agama Buddha untuk orang yang sudah mati dan pada bulan Disember mereka akan menghadiri jamuan hari Krismas. Adat ini menjadi sebahagian daripada kehidupan orang Jepun walaupun ia berdasarkan agama yang berbeza dan diamalkan tanpa sebarang perasaan tidak konsisten.<sup>13</sup>

Secara keseluruhan, konsep ibadat dalam peradaban Jepun amat kompleks dan amalan lebih kepada simbolik semata-mata. Agama asli Jepun iaitu Shinto tidak pernah menjadi agama ekslusif dan ini membolehkan agama Buddha, Konfucian, Taoisma dan Kristian di bawa masuk ke Jepun. Kemasukan agama-agama ini tidak banyak membawa pergeseran dan pertumpahan darah secara keseluruhannya.<sup>14</sup>

Dengan demikian, dapatlah kita katakan bahawa peradaban Jepun tidak menekankan aspek keagamaan dalam ritual kehidupan mereka. Keadaan ini dapat kita kesan melalui 2 ciri yang terdapat dalam kepercayaan beragama dalam peradaban Jepun antaranya perkahwinan antara ahli-ahli agama yang berlainan boleh dilakukan dengan mudah dan ke dua pendidikan Jepun tidak mampu mengajar pendidikan agama di sekolah-sekolah . Perbincangan mengenai agama tidak banyak dibuat dan tulisan yang mengkritik dan membincangkan mengenai agama amat jarang dilakukan. Pernyataan dalam upacara

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
dan adat perayaan lebih kepada satu bentuk rekreasi budaya dan bukan sebagai amalan dan ibadat keagaamaan dalam kepercayaan-kepercayaan Jepun. Hanya dalam era-era 40-an dan 50-an barulah Jepun terbuka mindanya untuk membincangkan sesuatu yang abstrak dan penghasilan kesusasteraan pada zaman ini seolah-olah pencarian kepada agama.<sup>15</sup>

Kesimpulannya, peradaban Jepun lebih mementingkan ritual tradisi beragama sebagai suatu adat yang dilakukan turun temurun dan ia suatu yang kompleks sebab di dalam ritual tersebut mengandungi pelbagai kepercayaan agama. Keadaan ini amat berbeza dengan peradaban Islam yang menekankan ritual dalam beribadat dengan menganggap ia menjadi kewajipan sebab adanya konsep dosa dan pahala.

#### **5.4.1 (c) Pencetus Sesebuah Kepercayaan (Nabi dan Rasul)**

Wujudnya satu-satu kepercayaan adalah bertitik tolak daripada seseorang pencetus dan pembina satu-satu kepercayaan tersebut. Apa saja kepercayaan di dunia ini tidak kira ia diturunkan dari langit ataupun ilham manusia ia berpunca daripada satu-satu individu yang bertindak memperkenal dan menyebarkan kepercayaan tersebut di kalangan masyarakat.

Cuma yang membezakannya ialah sama ada ia agama yang turun dari langit atau agama ciptaan manusia. Agama yang turun dari langit mempunyai nabi dan rasul yang bertindak sebagai pembimbing manusia kepada satu-satu kepercayaan dan ia membawa ajaran yang jelas iaitu mentauhidkan Allah. Sementara agama ciptaan dan ilham manusia mempunyai pencetus kepercayaan tersebut menyebabkan ia berkembang misalnya agama Buddha. Sesetengah agama dipanggil agama anamisma seperti Shinto tidak dapat dikesan pencetusnya tetapi ia berkembang juga di kalangan masyarakat dan kepercayaan ini sebat

---

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
di kalangan masyarakat Jepun. Ada juga sesetengah agama yang merupakan satu etika kemudiannya dikenali sebagai satu agama setelah ia menjadi sebatи di kalangan masyarakat seperti etika Konfucian dan Taoisma.

Agama Islam merupakan agama dari langit dan ia telah dibawa oleh nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah s.w.t. Beliau merupakan rasul terakhir yang memulakan penyebaran agama Islam di kota Mekah sebelum berhijrah ke Madinah dan bertindak menyebar dan memperkuatkan kedudukan Islam di sana. Di Madinah Islam mencapai tahap kegemilangan yang tinggi dan dalam masa yang singkat kota Mekah berjaya ditakluki tanpa berlaku pertumpahan darah. Dengan itu, Islam telah tersebar ke seluruh Semenanjung tanah Arab dan membentuk peradabannya yang tersendiri. Peradaban Islam menguasai lebih daripada separuh keluasan dunia pada satu masa dulu dan mencapai tahap peradaban yang tinggi.

Jika dibandingkan dengan peradaban Jepun yang kompleks yang mengandungi pelbagai kepercayaan dan agama dalam satu masa. Agama Shinto yang tidak diketahui siapa pencetusnya mampu wujud di dalam minda dan ilham masyarakat Jepun sehingga sekarang. Kekurangan dalam agama Shinto sedikit sebanyak boleh ditutup oleh aliran kepercayaan dari agama-agama lain. Atas dasar ini agama Buddha , konfucian, Taoisma dan Kristian telah diterima membentuk peradaban Jepun yang ada sekarang.

Pendokong Konfusian ialah “*Kung-Fu-Tze*” membawa erti “*Yang Dipertua Kung*”. Kemudian masyarakat barat memanggilnya dalam panggilan bahasa latin yang berbunyi “*Confucious*”. Beliau merupakan seorang pendidik dan ahli fikir yang mudah mencerahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman, dan intisari ajarannya terdapat dalam kitab yang

---

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
dikenali sebagai “*kata-kata pilihan*” atau “*Lun Yu*”. Jika dilihat berkaitan dengan tradisi dan kepercayaan kuno seperti mempercayai kepada penjelmaan kepada semangat orang yang sudah mati, maka Konfucian tidak terlibat malahan cuba menjauhkan diri dari kepercayaan dan amalan sedemikian.<sup>16</sup>

Taoisma pula didokongi oleh “*Lao Tze*” yang membawa makna orang tua yang arifbijaksana.<sup>17</sup> Beliau berpendapat bahawa dunia ini pada hakikatnya adalah tempat yang aman dan harmoni. Tanggapan ini berasaskan kepada bertapa harmoninya alam pertumbuhan. Gangguan keharmonian alam berpunca daripada perbuatan manusia yang runtuh moral dan akhlak hingga membawa kepada pertentangan dan perperangan sebagai pembalasannya, dan sehubungan itu, konflik dan pertentangan menurut Tao seharusnya dielakkan.<sup>18</sup>

Ajaran Buddha pula berasal daripada India dan dibawa ke China sebelum sampai ke Jepun pada abad ke-6 SM. Agama Buddha adalah didokongi oleh Buddha Gautama (Siddharta Gautama) yang dilahirkan lebih kurang pada akhir abad ke-6 M. Beliau berketurunan raja dan tidak pernah mengenal erti sengsara, sakit, susah dan kematian. Oleh itu, ajaran beliau adalah bagaimana untuk melepaskan diri daripada sengsara dan penderitaan. Beliau mendapat ilham dan pertunjuk setelah bertapa di bawah pohon Bodhi.

Agama Kristian pula dibawa oleh nabi Isa a.s. dan ia merupakan sebahagian daripada agama langit tetapi agama Kristian telah dipesongkan dari segi isi kandungan Injil dan kepercayaannya menyebabkan Kristian kini banyak yang tidak betul. Perkembangan Agama kristian Roman Katolik dimulakan pada abad ke-17 oleh kumpulan Jesuit.

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
Kumpulan ini ditubuhkan di paris, Peranchis oleh St. Ignatius. Salah seorang pengikut jesuit ialah Francis Xavier yang telah turut mengadakan seruan ke Jepun dan India.<sup>19</sup>

Dengan itu, wujudnya satu-satu kepercayaan adalah dipengaruhi oleh keadaan persekitaran seperti wujudnya agama Buddha disebabkan terdapatnya penderitaan. Namun begitu, keadaan ini tidak berlaku pada agama Samawi seperti agama Islam di mana Islam tidak pernah mengalami perubahan dari segi pengamalan dan kandungan kitab sucinya bermula pada Nabi Muhammad s.a.w. hingga sekarang.

#### **5.4.1 (d) Kitab-kitab Suci**

Kitab suci merupakan sumber kepada sesuatu aliran kepercayaan yang menjadi asas dan landasan ke arah pembentukkan dan pengamalan satu-satu kepercayaan secara lebih sistematik. Agama Shinto yang merupakan agama asal masyarakat Jepun sejak lebih 2 000 tahun yang lampau mempunyai 4 buah kitab yang wujud secara tak rasmi, iaitu:-

- i- Kojiki (catatan peristiwa purbakala)
- ii- Nihonji (riwayat Jepun)
- iii- Yengishiki (Pelbagai lembaga pada masa Yengi)
- iv- Manyoshu (himpunan 10 000 daun)

Kitab-kitab ini telah menjadi rujukan utama kepada agama Shinto yang menceritakan mengenai kepercayaan masyarakat Jepun mengenai peradaban mereka yang lampau dan amalan serta urusan keagamaan dalam aliran kepercayaan Shinto.

Keadaan lebih jelas dalam peradaban Islam di mana kitab suci al-Quran diterima sebagai sumber utama dalam pembentukkan peradabannya. Al-Quran disampaikan kepada

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
nabi Muhammad s.a.w. dengan perantaraan malaikat Jibrail dengan cara beransur-ansur. Di dalamnya mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan:-<sup>20</sup>

- i- Tauhid-Kepercayaan kepada Allah, malaikat-malaikat, kitab-kitabnya, rasul-rasul Allah, kiamat dan Qadha dan Qadar Tuhan.
- ii- Akhlak-membina peribadi yang mulia.
- iii- Perkara berkaitan dengan hukum, perintah dan larangan-larangan Allah.

Al-Quran mengandungi 114 surah dan dibahagikan kepada 30 juzuk dengan jumlah ayat 6,666 ayat. Ia mengambil masa lebih kurang 23 tahun untuk turun ke dunia secara beransur-

ansur. Ia telah dikumpulkan oleh Zaed b Tsabit atas alternatif Khalifah Abu Bakar sewaktu menjadi khalifah pertama melalui cadangan Saidina Umar bin Khatab.

Dalam peradaban Jepun pula terdapat pelbagai kitab suci dalam pelbagai aliran kepercayaan. Agama Buddha telah mengemukakan 3 kitab suci yang menjadi rujukan dikenali sebagai “*Tripitaka*” . Kitab tersebut ialah “*sutta-Pitaka*”, “*Vinaya-Pitaka*” dan “*Abidhamma-Pitaka*”.

Sutta –Pitaka mengandungi ajaran Buddha Gautama dan sebahagian besarnya terdiri daripada percakapan (dialog) antara Buddha dengan murid-muridnya disamping menerangkan tentang meditasi dan peribadatan, dan juga kata-kata hikmat, himpunan sajak-sajak agamawi, kisah kiasan dan sebagainya. Vinaya-Pitaka pula mengandungi *Pattimokkha* iaitu peraturan hidup kepada anggota-anggota biara (sangha). Ia ditujukan kepada golongan rahib yang bergelar Bikkhu dan Bikkhuni. Abidhamma-Pitaka pula ditujukan kepada golongan terpelajar dalam agama Buddha yang membawa makna

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
“dhamma lanjutan” yang mengandungi “great values” bagi latihan ingatan (mind-training).<sup>21</sup>

Kitab suci ajaran konfucian pula terbahagi kepada 2 kelompok iaitu *Wu Ching* (5 klasik) dan *Sau Shu* (4 kitab). Terdapat 5 buah kitab dalam *Wu Ching* iaitu *Su Ching* (kitab sejarah), *Shih Ching* (kitab sajak), *I Ching* (kitab perubahan), *Li Chi* (kitab kebaktian) dan *Chuh Chiu* (catatan musim-musim bunga dan gugur). Di samping 5 klasik tersebut terdapat satu lagi klasik yang digelar *Hsiao Ching* (kitab kebaktian anak dalam sistem pendidikan daripada Kung-Fu-Tze. Kelompok ke dua dipanggil empat kitab iaitu *Lun Yu*, *Ta Hsueh*, *Chung Yung* dan *Meng Tze*. Kitab *Lun Yu* mengandungi pembahasan-pembahasan Kung-Fu-Tze, *Ta Hsueh* pula mengandungi etika dan politik yang disusun oleh cucu Kung-Fu-Tze bernama “*Tsu Szu*”, *Chung Yung* juga disusun oleh *Tsu Szu* berkenaan dasar dan hukum susila dan akhirnya adalah kitab *Meng Tze* adalah hasil penfsiran *Meng Tze* (372-289 SM) tentang ajaran Kung-Fu-Tze.

Dalam ajaran Taoisma pula tidak terdapat kitab suci yang jelas sebab ajaran Lao Tze berada dalam kabur dan kurang jelas. Hanya sebuah risalah kecil yang dapat dikesan bergelar “*Tao-The-King*” (jalan dan kekuasannya). Sementara dalam Kristian pula berpandukan kepada kitab Injil sebagai panduan. Tambahan terdapatnya Injil yang dikarang sendiri oleh pengarangnya seperti Injil Mark, Luke, Marhaba dan lain-lainnya.

Dengan demikian, kitab suci memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan memberikan landasan kepada hukum hakam, larangan-larangan dan perbuatan ke arah kebaikan. Melaui kitab-kitab suci juga kita akan dapat melihat peristiwa lepas dan ramalan masa depan. Asasnya semua agama mempunyai kitab suci cuma yang membezakan ialah

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
kandungan kitab tersebut bergantung kepada agama dan aliran kepercayaan yang dijadikan panduan. Namun begitu, apa yang pasti kitab suci adalah penting sebagai panduan satu-satu aliran kepercayaan.

#### **5.4.1 (e) Hukum Hakam**

Dalam sesebuah agama tidak kira agama apa sekalipun mestilah mempunyai hukum mengenai sesuatu tindakan sama ada baik ataupun buruk. Berpaksikan kepada Islam melalui al-Quran dan hadis-hadis sahih terdapatnya hukum hakam yang jelas menerangkan mengenai peraturan kehidupan manusia di dunia ini. Dalam al-Quran terdapatnya hukum syariat yang menerangkan 3 jenis hukum dalam Islam iaitu meliputi:<sup>22</sup>

i-      **Hukum-hukum Akidah**

Iaitu hukum yang berhubungan dengan sesuatu yang harus diyakini oleh manusia tentang Allah s.w.t., malaikat, kitab-kitab dan rasul-rasul-Nya serta hari kiamat.

ii-     **Hukum-hukum Etika**

Iaitu hukum yang berhubungan dengan sesuatu keutamaan yang digunakan oleh manusia untuk menghias dirinya seperti kejujuran dan kedermawanan dan menghilangkan sifat-sifat yang jijik pada dirinya seperti dusta dan bakhil.

iii-    **Hukum-hukum Amaliyah**

Hukum-hukum yang berhubungan dengan manusia dalam bentuk ucapan, pekerjaan, kontrak dan beberapa usaha. Hukum ini terdapat dalam dua keadaan iaitu hukuman manusia dengan tuhannya seperti ibadat, sembahyang, puasa, zakat, haji, nazar, sumpah dan sebagainya. Keadaan ke

dua pula ialah hukum-hukum *muamalat* iaitu berkaitan seperti kontrak, kerja, hukuman, dan lain-lain. Ia berkaitan hubungan manusia dengan manusia yang lain.

Keadaan ini amat berbeza dalam peradaban Jepun jika dibandingkan dengan peradaban Islam. Ini kerana Islam sudah mempunyai landasan dan ketetapan yang sudah ada di dalam al-Quran untuk memandu umat dan negara ke arah pembinaan peradaban yang lebih baik bersama hukum hakam yang telah ditetapkan. Masyarakat Jepun banyak menerima undang-undang sekular sebagai hukum untuk diaplikasikan dalam peradaban mereka kerana mereka berpendapat dengan menerima hukum hakam sekular, mereka seolah-olah menerima hukum hakam daripada agama Buddha. Ini dapat dijelaskan melalui kesimpulan yang dibuat oleh *Suzuki Shosan*, seorang pemikir Jepun melalui artikel beliau yang bertajuk "*The desire of Asceticism, The Virtue or The Three treasure and Everyday Life Of Samurai*", beliau membuat kesimpulan bahawa :-

"...memandangkan undang-undang sekular adalah undang-undang Buddha...maka dengan mengikuti undang-undang sekular akan menyebabkan tahap keimanan terhadap Buddha dapat ditingkatkan...jika kamu gagal mengikuti undang-undang dunia, maka kamu gagal untuk menjadi seorang pengikut agama Buddha yang baik. Ia merupakan usaha kamu untuk menukar undang-undang sekular kepada undang-undang Buddha"

Keterangan ini menggambarkan bahawa Shosan ingin menakluk dunia dengan hukum hakam dan undang-undang Buddha. Beliau juga ingin mencapai kemenangan dalam sistem yang berasaskan dari tingkah laku sosial yang akan menjadi asas kepada moral masyarakat keseluruhannya di mana masyarakat akan mencapai kepuasan dalam agama dan juga dalam diri mereka sendiri.

Oleh itu, tidak hairanlah sikap peniaga Jepun yang menyediakan dan memberikan layanan yang sebaik mungkin kepada para pelanggannya dan mereka telah mendapat keuntungan yang besar dengan berbuat demikian. Disebabkan oleh syarikat alat-alat elektrik mengikut suruhan hati, mereka boleh mengeluarkan barang yang baik yang dapat memberikan kebaikan kepada dunia dan dalam proses ini dia menyedari tentang keuntungan. Pada pandangan Shosan mereka yang tidak mengambil berat tentang orang lain dan hanya memikirkan tentang keuntungan akan mengalami kegagalan dan akan diketepikan oleh orang ramai. Ini jelas melalui kata-kata Shosan: "*jika kamu tidak cinta dan hormat kepada orang kamu akan gagal dalam semua perkara yang kamu lakukan*". Oleh itu, undang-undang sekular seumpama undang-undang Buddha dan pada pendapat shosan tidak salah menerima undang-undang sekular malahan digalakkan.

Dengan demikian, hukum hakam dan undang-undang daripada peradaban Islam dan peradaban Jepun amat jauh bezanya. Islam amat menentang sekularisma sementara peradaban Jepun menerima dan mengaplikasikan sekularisasi dalam peradaban Jepun. Bagi Jepun sekularisma adalah hukum hakam daripada agama Buddha dengan itu pengaplikasiannya adalah digalakkan.

#### **5.4.2 Persamaan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan.**

Walaupun sejauhmana perbezaan ini wujud antara ke dua-dua kepercayaan tersebut tetapi masih terdapat sedikit sebanyak persamaan antara ke dua-duanya. Maka, di sini di kemukakan konsep-konsep yang wujud antara ke dua-dua peradaban tersebut berpunca daripada kepercayaan mereka. Konsep telah dipilih di sini sebab terdapat banyak

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
persamaan antara ke dua-dua kepercayaan tersebut dan sudah mewakili aspek-aspek penting yang hendak dilihat.

#### **5.4.2 (a) Konsep-konsep**

Peradaban Jepun dan Islam walaupun berlainan tetapi dari segi konsep-konsep dan kesan-kesan daripada kepercayaan yang melahirkan konsep-konsep ini masih jelas mempunyai persamaan walaupun bunyi dan sebutan berbeza tetapi sama dari segi maksud dan kandungannya. Misalnya konsep Bushido iaitu satu kod etika golongan pahlawan yang boleh memberikan ketenangan dan ketabahan hati semasa menghadapi kecemasan juga terdapat dalam peradaban Islam dengan menggunakan konsep takwa. Dengan adanya konsep ini masyarakat Islam menjadi sebuah masyarakat yang tabah menghadapi apa saja ujian Tuhan kerana terjadinya sesuatu itu kerana Allah.

Konsep “On” dalam masyarakat Jepun merupakan satu konsep balas balik bantuan yang diberikan kepada mereka. Dalam Islam konsep balas balik ini dimengertikan dengan lebih luas sebab Islam tidak hanya membalaik kebaikan kepada individu atau masyarakat yang membuat kebaikan kepada mereka malahan Islam akan membalaik kebaikan walaupun individu lain memberikan keburukan atau kejahatan terhadap mereka.

Konsep malu atau dalam peradaban Jepun dipanggil konsep “Haji” merupakan konsep yang juga terdapat dalam peradaban Islam. Cuma malu yang hendak diperlakukan itu mesti bertempat seperti malu untuk mendedahkan aurat, malu untuk gagal, malu untuk membuat maksiat dan sebagainya.

Konsep “Wa” yang terdapat dalam peradaban Jepun bermakna harmoni. Konsep ini juga terdapat dalam peradaban Islam tetapi dalam bidang yang lebih global iaitu konsep sejahtera. Ia merangkumi segala aspek kehidupan iaitu daripada individu, masyarakat, negara dan juga sesebuah peradaban tersebut. Konsep harmoni adalah sebahagian daripada konsep sejahtera.

Begitu juga dengan konsep-konsep lain seperti *Yin* dan *Yang*, *Karuna* dan *Ki* dengan masing-masing membawa makna kehidupan berpasangan, kasih sayang dan berkaitan dengan perasaan. Kehidupan berpasangan ada dijelaskan di dalam al-Quran yang mengatakan Tuhan menjadikan manusia itu secara berpasang-pasangan. Sementara konsep *Karuna* dapatlah disamakan dengan konsep mahabbah atau kasih sayang dalam Islam. Konsep *Ki* tidak dapat dijelaskan dengan kata-kata kerana disebabkan ia abstrak dan biasanya lebih menyentuh persoalan perasaan dan jika dalam Islam adalah penting untuk individu menjaga perasaan individu yang lain tanpa mengira agama.

Oleh itu, konsep yang ada dalam masyarakat dan peradaban Jepun terdapat juga dalam peradaban Islam. Konsep-konsep ini wujud hasil daripada kepercayaan mereka kepada agama-agama mereka yang seterusnya diamalkan dan menjadi adat setelah sebatи dalam masyarakat. Jadi, tidak hairanlah kita boleh mengenali satu-satu masyarakat tersebut melalui adat mereka yang berpunca daripada konsep-konsep yang berasaskan kepada kepercayaan mereka kepada agama mereka membentuk peradaban masing-masing.

## 5.5 Kesimpulan

Hasil daripada perbandingan ini, kita dapat membuat kesimpulan bahawa ilmu perbandingan merupakan satu ilmu yang penting lebih-lebih lagi jika ia melibatkan kepercayaan kerana ia merupakan satu topik yang hangat. Ini kerana ia boleh memberikan kepada masyarakat untuk menilai aliran kepercayaan dalam peradaban lain. Ia boleh dijadikan strategi dalam berdakwah dan mengenali kepercayaan-kepercayaan yang terdapat dalam peradaban Jepun.

Peradaban Jepun merupakan sebuah peradaban yang kompleks sebab dalam satu masa mereka memegang berbagai-bagai kepercayaan seperti Shinto, Buddha, Konfucian, Taoisma, dan Kristian yang mendasari kehidupan mereka. Keadaan ini cukup berbeza berbanding dengan peradaban Islam yang hanya bersumberkan agama Islam dengan mempercayai kepada Tuhan yang satu. Sementara itu, kepercayaan dalam peradaban Jepun lebih banyak menumpukan kepada kepelbagaian agama yang menekankan kepada banyak tuhan dan dewa-dewa.

Walau bagaimanapun, kesan daripada kedua-dua peradaban tersebut secara keseluruhanya terdapat persamaan walaupun pada dasarnya mempunyai konsep dan pendekatan yang berbeza. Seharusnya, peradaban Islam boleh mencapai kejayaan dan keagungan jika mereka mengamalkan nilai-nilai yang ada dalam Islam itu sendiri kerana apa yang diamalkan dalam peradaban Jepun merupakan sebahagian daripada nilai-nilai yang terdapat dalam peradaban Islam. Peradaban Islam telah membuktikan bahawa mereka boleh mencapai peradaban yang tinggi dengan mengamalkan kepercayaan yang terdapat

*Bab 5: Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam Dari Aspek Kepercayaan*  
dalam ajaran Islam itu sendiri. Ini terbukti dengan wujudnya kawasan kekuasaan yang luas semasa zaman keagungan Islam suatu masa dahulu.

## Nota hujung

- <sup>1</sup> Drs. Abu Achmadi, “*Perbandingan Agama*”, A.B. Siti Syamsiyah Sala, Jilid satu, 1974, hal. 4.
- <sup>2</sup> Wardan Amir BA, *Perbandingan Agama*”, Penerbit TOHA PUTRA SEMARANG, Jilid Satu, 1976, hal. 13.
- <sup>3</sup> Ibid, hal. 13.
- <sup>4</sup> Drs. Abu Achmadi, Op. cit, hal. 6.
- <sup>5</sup> Wardan Amir BA, Op. cit, hal. 14.
- <sup>6</sup> Khalid Jaafar (el'al), “*al-Islam: Tauhid Sebagai Asas Utama Tamadun Islam*”, Penerbit Kumpulan Syarikat Utusan Melayu (M) Bhd, Kuala Lumpur, Feb1980, hal. 29.
- <sup>7</sup> Ibid, hal. 29.
- <sup>8</sup> S. Abul A'la al-Maududi, “*Islamic Way Of Life*”(Terj: Khurshid Ahmad), Islamic Publication, Lahore, 1975, hal. 1.
- <sup>9</sup> Beliau merupakan orang Jepun yang belajar dan mengajar di Malaysia bermula daripada 1989 sehingga sekarang. Sekarang ini beliau dalam rangka menyiapkan ijazah PHD beliau di Universiti Malaya dan merupakan Senior Research Assistant Asia Eropah Institute. Sebelum itu beliau merupakan pensyarah di Jabatan Pengajian Asia Timur dan Jabatan Pengajian Asia Tenggara.
- <sup>10</sup> Ichiro Sugimoto, “*Kepercayaan Dalam Peradaban Jepun*”, Orang Jepun, 20 Ogos 2001, 7.00-7.30 malam.
- <sup>11</sup> *Kamus Dewan Edisi Baru*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, hal. 438.
- <sup>12</sup> Prof. Dato' Dr. Haron Din, “*Manusia dan Islam*”, Hizbi Marketing Sdn. Bhd. , 1988, hal. 113-114.
- <sup>13</sup> Gen Itasaka, “*Pintu Masuk Ke Jepun Penduduk Dan masyarakatnya*”, (Terj: Nazlifa Md. Ali), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995, hal. 172.
- <sup>14</sup> Ibid, hal. 173.
- <sup>15</sup> Jaafar Jambi, “*Kepercayaan Dalam Peradaban Jepun*”, Pusat Asasi Sains ( Ambang Asuhan Jepun - Pensyarah Bahasa Jepun), 21 Oktober 2001, masa: 8.00-9.00 pagi.
- <sup>16</sup> Hj. Mohd. Rashad Shamsuddin M.D. (Homeo), “*Islam Di China*”, Al-Hidayah Publishers, Cetakan Pertama, 2000, hal. 29.
- <sup>17</sup> Dr. H.O.K. Rahmat S.H., “*dari ADAM Sampai MUHAMMAD Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama*”, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 1979, hal. 120.
- <sup>18</sup> Hj. Mohd. Rashad Shamsuddin M.D. (Homeo), Op. cit, hal. 31.
- <sup>19</sup> Ibid, hal. 35.
- <sup>20</sup> Drs. Abu Achmadi, Op. cit, hal. 50.
- <sup>21</sup> Joesoef Sou'yib, “*Agama-agama Besar Di Dunia*”, Pt. Al Husna Zikra, Cetakan ke-3, 1996, hal. 73-74.
- <sup>22</sup> Dr. Wahiba Zuhaili, “*Al-Quran: Perlaksanaan Hukum dan Peradaban Manusia*”, Cetakan Pertama, 1997, hal.28.